

1.0 MAKLUMAT UTAMA DANA

1.1 Konsep Syariah

Wakalah Bil Istithmar

1.2 Mata wang Pelaburan

Ringgit Malaysia

1.3 Mula Diperkenalkan

17 Mac 2026

1.4 Klasifikasi Dana

Akaun Pelaburan Tidak Terhad merujuk kepada jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan (*Investment Account Holder (IAH)*) memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad bagi membuat pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu.

1.5 Gambaran Keseluruhan Produk

ISIA 5.0 ialah solusi pelaburan impak berasaskan nilai yang direka untuk:

- Menyokong ekonomi mesra alam (*nature-positive*)
- Meningkatkan daya tahan alam sekitar
- Menggalakkan pertumbuhan inklusif dan mampan dalam masyarakat

la menjana pulangan kewangan untuk pelabur dan pelanggan pembiayaan, sambil memberikan manfaat yang bermakna kepada penerima sumbangan atau zakat.

Dana ini menyalurkan modal ke dalam sektor berimpak tinggi seperti:

- Tenaga boleh diperbaharui
- Pengangkutan bersih
- Perumahan mampu milik dan penjagaan kesihatan
- Utiliti asas dan pendidikan

Ini membolehkan pelabur mencapai pulangan kewangan yang mampan seiring dengan impak sosial dan alam sekitar yang bermakna.

1.6 Objektif Pelaburan

Untuk menyediakan penyelesaian pelaburan yang berbeza berdasarkan kelas aset baru, melabur dalam pembiayaan bukan runcit dan selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu [*UN's Sustainable Development Goals (SDG)*].

1.7 Strategi Pelaburan Dana

Pelaburan risiko sederhana untuk mencapai pemeliharaan modal dan pulangan yang stabil.

1.8 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Berjangka yang membolehkan pelanggan melabur dengan tempoh pelaburan tetap selama dua puluh empat (24), tiga puluh enam (36) bulan dan enam puluh (60) bulan.

1.9 Butiran Aset Pelaburan

Dana akan dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset bukan runcit Bank, selaras dengan:

- Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip (CCPT) oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

Sektor utama merangkumi tenaga boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan bersih, air bersih dan sanitasi, serta sektor lain yang menyumbang kepada bandar dan komuniti yang mampan.

1.10 Penilaian Aset yang Diperuntukkan

Penilaian aset dijalankan setiap bulan bagi menentukan pulangan kepada pelabur.

Pulangan pelaburan dipengaruhi oleh:

- Prestasi aset yang diperuntukkan termasuk
- Kualiti aset (contohnya pembiayaan terjejas)
- Pergerakan Kadar Keuntungan Efektif (EPR)

Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin, dan pemegang akaun pelaburan berhadapan risiko tidak memperoleh sebarang pulangan.

Akaun ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Walau bagaimanapun, struktur produk direka untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Sekiranya berlaku pembubaran, pemegang akaun pelaburan diberi keutamaan berbanding pendeposit.

1.11 Polisi Pembayaran / Frekuensi Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar setiap enam bulan sekali.

1.12 Penyata Berhubung Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan.

1.13 Profil Pelabur

- **Bukan Runcit:** Tidak termasuk rakan niaga antara bank, perniagaan tunggal, dan Usahawan Kecil dan Sederhana (SME).
- **Runcit:** Terhad kepada individu berpendapatan tinggi.

1.14 Risiko Pelaburan

Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelaburan ini terdedah kepada risiko seperti risiko pasaran, kredit, kecairan, operasi, undang-undang dan ketidakpatuhan Syariah. Sila layari laman web Bank Islam untuk maklumat lanjut mengenai setiap risiko.

Salah satu risiko utama bagi dana ini ialah risiko konsentrasi pelaburan, iaitu risiko yang timbul apabila terdapat pendedahan yang berlebihan kepada jenis aset, pihak atau lokasi geografi tertentu. Keadaan ini berpotensi mengakibatkan kerugian ketara yang boleh menjelaskan kedudukan kewangan dana atau entiti berkaitan.

Memandangkan pelaburan tertumpu dalam aset bukan runcit, pendedahan kepada pihak tunggal adalah lebih tinggi. Ini meningkatkan sensitiviti terhadap kemerosotan nilai aset dan seterusnya memberi kesan negatif kepada pulangan pelaburan.

Bagi mengurangkan risiko ini, tahap konsentrasi pelaburan dipantau secara rapi pada peringkat aset setiap bulan bagi memastikan pendedahan tidak melebihi 25% selaras dengan garis panduan dalam Dokumen Polisi Akaun Pelaburan BNM.

2.0 PENYATA RISIKO


Lembaga Pengarah Bank Islam bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan risiko operasi dan aktiviti perniagaan dengan dengan menetapkan kecenderungan serta tahap toleransi risiko yang sejajar dengan objektif perniagaan serta profil risiko Bank.

Pengawasan disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah, yang dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Kawalan Risiko, bagi memastikan pelaksanaan strategi, dasar dan prosedur pengurusan risiko yang berkesan.

3.0 PRESTASI DANA

3.1 Saiz Dana

Saiz Dana Akaun Pelaburan Lestari Ihsan (ISIA) 5.0
RM'bilion



Setakat Mac 2026, baki dana ISIA 5.0 adalah sebanyak RM0.60 bilion.

3.2 Kadar Pulangan

Pulangan Pelaburan (ROI) ¹			
Sebelum Sumbangan Impak Sosial*			
Tempoh	Jan	Feb	Mac
2 tahun			3.95% setahun


¹ROI - Berdasarkan Kadar Keuntungan Dijangka (EPR) semasa pelaburan dana atau Kadar Keuntungan Sebenarnya (APR) (mana-mana yang lebih rendah), tertakluk kepada Terma dan Syarat.

*Sumbangan impak sosial sebanyak 2.50% daripada pulangan pelaburan ISIA akan disalurkan sama ada kepada Zakat atau Sadaqa House.

Nota:

- Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS) dan Terma & Syarat (yang mana berkenaan).
- ISIA 5.0 menawarkan tiga pilihan tempoh, iaitu 2, 3 dan 5 tahun. Namun begitu, pelaburan dana aktif pada masa ini hanya terhad kepada tempoh 2 tahun sahaja.

3.3 Rekod Kadar Pulangan



¹ROI (sebelum) - Pulangan Pelaburan (ROI)%(p.a) sebelum sumbangan impak sosial


²ROI (selepas) - Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.) selepas sumbangan impak sosial

Nota: Kadar di atas adalah kadar purata pulangan dalam peratusan (%) bagi setiap suku tahunan.

3.4 Penyata Pendapatan

Penyata Pendapatan Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2026			
	Jan	Feb	Mac
	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Pendapatan Kasar			1,162
Pendapatan Boleh Agih Bersih			1,176
Jumlah yang diperuntukkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) *sebelum kontribusi kepada impak sosial			974


3.5 Peruntukan Aset Mengikut Sektor



■ Tenaga Boleh Diperbaharui ■ Pembiayaan Hijau Lain ■ Air Bersih

Peruntukan aset berada dalam lingkungan objektif pelaburan dan strategi yang dinyatakan.


3.6 Portfolio Pembiayaan Mengikut Baki Tempoh Matang Aset



■ < 5 Tahun ■ > 5 hingga 7 Tahun ■ > 7 hingga 10 Tahun ■ > 10 Tahun

Sebahagian besar portfolio pembiayaan mempunyai tempoh matang lebih daripada 10 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan portfolio untuk tempoh pelaburan tetap 2 tahun, yang kemudiannya dapat menyokong jangkaan pulangan para IAH.

3.7 Prestasi Kualiti Aset



Sehingga Mac 2026, nisbah Pembiayaan Terjejas Kasar (Gross Impaired Financing, GIF) bagi Perbankan Institusi Kumpulan (Group Institutional Banking, GIB) Bank Islam berada pada paras 1.44%. Portfolio Aset Asas ISIA kekal kukuh dengan kualiti aset yang mantap dan tiada tanda-tanda kemerosotan.

4.0 LAPORAN IMPAK SUMBANGAN SOSIAL

ISIA memperkasakan pelabur untuk menyokong pembangunan ekonomi secara positif kepada alam sekitar, meningkatkan ketahanan alam sekitar serta memacu pertumbuhan masyarakat yang inklusif. Inisiatif ini turut mengintegrasikan elemen unik sumbangan impak sosial dalam setiap pelaburan.

Ciri unik ISIA ialah mekanisme sumbangan sosialnya, di mana 2.50% pulangan pelaburan disalurkan setiap tahun kepada sama ada zakat atau Sadaqa House. Bank Islam bertindak sebagai ejen kepada IAH untuk menguruskan peruntukan dan pengagihan sumbangan tersebut.

Struktur Sumbangan

• Untuk Individu Muslim

2.5% daripada keuntungan akan disumbangkan setiap tahun kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) sebagai bayaran zakat.

• Untuk Bukan Muslim

○ **Individu:** 2.5% daripada keuntungan akan disalurkan kepada pemangkin perubahan terpilih melalui Sadaqa House.

○ **Bukan Individu:** 2.5% daripada keuntungan akan disalurkan melalui Sadaqa House kepada pemangkin perubahan terpilih atau, sebagai alternatif, disalurkan ke dana iTEKAD berdasarkan pilihan IAH.

Sadaqa House Sekilas Pandang

Sadaqa House ialah platform kewangan sosial Islam yang diiktiraf di peringkat global, yang menggerakkan dana filantropi termasuk sedekah dan zakat untuk menghasilkan impak nyata kepada komuniti tidak mempunyai akses perbankan dan komuniti terpinggir di Malaysia.

Sejak penubuhannya pada Januari 2018 hingga Mac 2026, Sadaqa House telah mencapai pencapaian berikut:

- **RM76.2 juta berjaya dikumpul**
- **RM83.1 juta telah disalurkan**
- **Lebih 13,000 penerima manfaat telah dibantu**
- **RM148,780.26 sumbangan daripada pelabur ISIA**

Bidang Impak Utama

Sadaqa House beroperasi dengan dua agenda teras:

- **Keusahawanan**
 - Sokongan melalui pembiayaan mikro, geran dan program pembangunan
 - RM2.83 juta disalurkan pada Suku 1 2026
 - Memberi manfaat kepada 250 usahawan mikro
 - Portfolio iTEKAD mengekalkan kadar kemerosotan di bawah 5%.
- **Pendidikan**
 - Basiswa dan bantuan kewangan
 - RM0.50 juta disalurkan pada Suku 1 2026
 - Memberi manfaat kepada 24 pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi

SOROTAN 2026

Memacu Impak yang Boleh Diukur

Sejak 2018, Sadaqa House komited dalam menggerakkan dana bagi menghasilkan impak sosial yang bermakna, boleh diukur dan mampan kepada komuniti yang terpinggir – memastikan setiap sumbangan diterjemahkan kepada hasil positif yang berkekalan serta peningkatan nyata sebenar dalam kehidupan penerima manfaat.

Pada tahun 2026, Sadaqa House telah memperkenalkan rangka Pulangan Sosial atas Pelaburan [*Social Return on Investment (SROI)*] bagi memperkukuh penukaran impak. Ini membolehkan:

- Penilaian hasil sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan program
- Peningkatan ketelusan, tadbir usrus dan akauntabiliti
- Keputusan pembiayaan berasaskan bukti serta kepercayaan pihak berkepentingan yang lebih kukuh

Selain daripada menjejak angka pengagihan, SROI memberi penekanan kepada pengukuran hasil sebenar penerima manfaat.

Membina Masa Depan yang Inklusif

Melalui penyertaan anda, setiap sumbangan diterjemahkan kepada pulangan bermakna yang memperkasakan komuniti serta memacu pertumbuhan ekonomi inklusif.

Sokongan berterusan anda membantu mengubah sumbangan

menjadi peluang dan membina masa depan yang lebih inklusif.

Layari www.sadaqahouse.com untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif impak kami.

5.0 SOROTAN & PROSPEK PASARAN

5.1 Prospek Ekonomi

Ekonomi Malaysia memasuki tahun 2026 dengan asas yang kukuh, disokong oleh pertumbuhan yang melebihi jangkaan pada separuh kedua 2025. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) diunjurkan sebanyak 4.7%, namun prospek ini sedikit terkesan oleh ketidaktentuan geopolitik, khususnya di Timur Tengah, yang berpotensi mempengaruhi kos tenaga dan pengangkutan.

Walaupun berdepan dengan risiko tersebut, Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh pasaran buruh yang stabil, aktiviti pelaburan yang berterusan serta momentum pelancongan melalui Tahun Melawat Malaysia 2026.

Pemintaan domestik dan sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Walaupun tekanan luaran boleh menjejaskan kos, penggunaan dan eksport, asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta kedudukannya sebagai pengeksport tenaga bersih terus menyokong pertumbuhan jangka sederhana.

5.2 Landskap Kemampanan, Komitmen Nasional dan Jangkaan Peraturan

Seiring dengan keutamaan global terhadap kemampanan dan perubahan iklim, Malaysia kekal komited terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) serta sasarannya untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

Inisiatif Nasional

Kerangka utama yang memacu peralihan ini termasuk:

- **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR)** – mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi hijau bernilai tinggi dan rendah karbon.
- **Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (NCMP)** – mewujudkan rangka kerja perdagangan kredit karbon bagi menggalakkan penyahkarbonan.

Perkembangan Kawal Selia

Pihak pengawal selia terus memperkukuh pengurusan risiko iklim dan amalan kemampanan melalui:

- Taksonomi Perubahan Iklim Berasaskan Prinsip (CCPT)
- Analisis Senario Pengurusan Risiko Iklim (CRMSA),
- Ujian Tekanan Risiko Iklim (CRST)

Standard pelaporan juga terus berkembang. Susulan keperluan pendedahan oleh Bursa Malaysia dan penerimaan rangka kerja Pasukan Petugas Khas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim (TCFD), Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan

Nasional (NSRF) kini memerlukan penjajaran dengan piawaian Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (ISSB) IFRS S1 dan S2.

Perkembangan ini menyokong tahap ketelusan, kebolehbandingan dan akauntibiliti yang lebih tinggi dalam pelaporan kemampunan.

Secara keseluruhan, perubahan dasar dan kawal selia ini menandakan langkah yang jelas ke arah ekonomi hijau yang lebih berdaya tahan dan telus.

Kemajuan & Pencapaian Kemampunan Bank Islam

Bank Islam memulakan perjalanan kemampunan pada tahun 2015 dengan membangunkan rangka kerja tadbir urus yang kukuh, disokong oleh akauntabiliti yang jelas merentasi Tiga Barisan Pertahanan (3LOD), sebagaimana diperincikan dalam Dasar Kemampunan Kumpulan dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Iklim Kumpulan (GCRMF).

Sejak itu, Bank telah mencapai pencapaian signifikan dalam bidang tumpuan utama di bawah Strategi dan Pelan Hala Tuju Kemampunan, yang berakhir pada tahun 2025. Antara pencapaian utama, Bank telah melepasi sasaran pembiayaan mampan sebanyak RM28 bilion sebanyak 12%, dengan jumlah keseluruhan mencapai RM31.3 bilion. Pencapaian ini dipacu oleh produk inovatif seperti siri Akaun Pelaburan Lestari Islam (ISIA), yang menyediakan akses kepada pelabur terhadap aset pembiayaan aset-aset sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang sejajar dengan SDG PBB. Sehingga kini, ISIA telah meggerakkan lebih daripada RM3.0 bilion pelaburan mampan.

Selain aktiviti pembiayaan, Bank turut memperkukuh kewangan sosial inklusif dengan menyokong lebih daripada 2,000 penerima manfaat serta menyalurkan RM8.77 juta kepada inisiatif pendidikan, penjagaan kesihatan dan pembangunan komuniti.

Bagi memacu komitmen Sifar Bersih, Bank telah melancarkan Pelan Peralihan Iklim (CTP) bagi mengurus pelepasan karbon berkaitan pembiayaan serta menyokong pelanggan dalam sektor berintensiti karbon tinggi untuk melaksanakan usaha penyahkarbonan. Secara dalaman, Bank berjaya merekodkan pengurangan sebanyak 10% dalam pelepasan Skop 1 dan Skop 2 melalui penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan inisiatif kecekapan tenaga, sekaligus menghampiri sasaran Operasi Neutral Karbon menjelang 2030.

Bank Islam kekal komited untuk menjana impak positif melalui agenda kemampunan dan iklimnya. Berteraskan pencapaian semasa, Bank telah melancarkan Strategi Kelestarian 2030 sebagai pelan hala tuju komprehensif yang mengalihkan fokus daripada integrasi ESG semata-mata kepada penciptaan impak yang lebih bermakna dan berfokus. Strategi ini bertindak sebagai pelan tindakan utama bagi memastikan kemampunan bukan lagi sekadar inisiatif berasingan, tetapi menjadi pemacu teras kepada model perniagaan Bank.

Melalui pemeraksanaan keupayaan ESG dan peluasan pembiayaan berasaskan nilai, Bank Islam berhasrat untuk menyampaikan kemakmuran jangka panjang kepada semua pihak berkepentingan, di samping mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam global pilihan menjelang tahun 2030.